

KESAN PEMBELAJARAN YANG MENYERONOKKAN TERHADAP
KESEDIAAN BELAJAR DALAM KALANGAN KANAK-KANAK
PRASEKOLAH

ZUHAILA BINTI ISMAIL

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

01 Februari 2015

ZUHAILA BINTI ISMAIL
M 20111000155



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

PENGHARGAAN

“ Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah , bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinnya dapat saya menyempurnakan disertasi sarjana ini dengan jayanya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w berserta ahli keluarga dan sahabatnya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini secara langsung atau tidak langsung khususnya buat penyelia utama disertasi, **Dr. Md. Nasir Bin Masran** yang sentiasa memberi inspirasi, bimbingan, motivasi, bantuan, cadangan, komen, pandangan dan tunjuk ajar dari awal sehingga akhir dalam menjayakan kajian ini dengan sempurna. Begitu juga buat **Prof. Madya Dr. Amir Hassan Dawi** yang turut memberi panduan dan bimbingan yang berterusan dalam bidang kajian kualitatif kajian ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih ini kepada pensyarah-pensyarah yang memberikan ilmu yang tidak ternilai kepada saya sepanjang tempoh pengajian saya di UPSI.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada **Tuan Haji Mohd Puat Bin Yusof** Penolong Pengarah Unit Prasekolah Jabatan Pelajaran Negeri Perak, **Puan Chua Seu Chen** Penyelia Prasekolah PPD Batang Padang dan **Tuan Haji Asraf bin Muhammad** Guru Besar SK. Tanjong Malim yang telah banyak memberi kerjasama kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Begitu juga buat para responden kajian, guru penolong kanan, guru prasekolah daerah Batang Padang, guru dan semua murid yang terlibat dalam kajian ini. Terima kasih di atas kesudian membantu dalam kajian ini.

Selain itu, Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada UPSI dan KPM yang memberikan saya peluang untuk menimba ilmu pengetahuan yang sangat berharga melalui hadiah cuti belajar berbiasiswa dan bergaji penuh. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih ini kepada rakan seperjuangan Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Fakulti Pendidikan Dan Pembangunan Manusia (FPPM) dan rakan HLP tahun 2011 terutamanya di UPSI yang sama-sama berjuang sepanjang pengajian ini serta turut memberi idea dan cadangan dalam memantapkan lagi hasil kajian ini. Begitu juga kepada pihak pengurusan sama ada yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung sewaktu kajian ini dijalankan.

Akhir sekali, teristimewa buat suami tercinta Roslan bin Yusof dan anak tersayang Mohd Iman Zulhakim kerana memahami tugas sepanjang penyelidikan ini. Begitu juga buat bonda Rafiah bin Mat Ali dan ayahanda Ismail bin Awang serta keluarga mertua, kakak, abang dan adik-adik yang selalu memberi kekuatan, menjadi inspirasi dan juga banyak memberi sokongan, dorongan dan juga pencetus semangat bagi menjayakan penulisan kajian ini. Jutaan Terima kasih diucapkan. Semoga jasa dan budi baik yang diberikan oleh semua akan mendapat balasan daripada Allah S.W.T. *Amin Ya Rab al-Alamin.*

Sekian terima kasih. Wassalam

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tentang pembelajaran yang menyeronokkan dalam konteks prasekolah, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dan kesannya kepada kesediaan belajar dalam kalangan kanak-kanak di sebuah prasekolah. Reka bentuk kajian ini adalah merupakan kajian kes satu tempat dan pelbagai kes. Seorang guru, seorang pembantu pengurusan murid dan 25 orang murid dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Data kajian ini diperoleh secara kualitatif iaitu menggunakan teknik temu bual, pemerhatian berstruktur dan analisis dokumen. Keseluruhan data ini dianalisis secara manual oleh penyelidik dan tema yang dikeluarkan disemak dan disahkan oleh penyelia utama. Dapatkan kajian mendapati bahawa pendekatan melalui bermain merupakan pendekatan utama dalam mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan di prasekolah. Selain itu, proses set induksi yang menarik seperti permainan *magic*, penggunaan BBM yang menarik, rangsangan motivasi dan peranan guru itu sendiri serta rakan sebaya dalam sesuatu aktiviti dapat juga mewujudkan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan di kelas prasekolah. Kesimpulannya, belajar melalui bermain telah berjaya mewujudkan proses pembelajaran kanak-kanak yang lebih menggembirakan dan bermakna serta dapat membantu mewujudkan perubahan sikap supaya sentiasa bersedia untuk belajar dalam kalangan kanak-kanak di kelas prasekolah. Keputusan menunjukkan pembelajaran yang menyeronokkan di dalam kelas prasekolah dalam mewujudkan kesediaan belajar kanak-kanak adalah saling berhubung di antara empat elemen iaitu kefahaman guru, pelaksanaan aktiviti, penggunaan bahan dan sifat peribadi guru dalam memperkuuhkan pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan di kelas prasekolah. Kefahaman guru tentang pembelajaran yang menyeronokkan dapat memberi impak terhadap kesediaan murid untuk belajar di dalam kelas prasekolah selari dengan kehendak Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan.

FUN LEARNING EFFECTS TOWARDS LEARNING READINESS OF PRESCHOOL CHILDREN

ABSTRACT

This study aimed to identify the effects of fun elicited by learning through play activities on learning readiness among preschool children. This is a case study of a specific site with multiple cases. A teacher, a management assistant and 25 students were selected as respondents in this study. Qualitative data were obtained through interviews, structured observation and document analysis. The data was analyzed manually by the researcher and themes were revised and approved by the main supervisor. Findings indicated that learning through play is fun and it is effective to promote readiness to learn among preschool children. In conclusion, the approach managed to create fun and meaningful learning that develop positive attitude towards learning among preschool children so that they will always be ready to learn. The research result shows that fun learning in preschool class in terms of children's readiness to learn is evidenced in the interrelatedness of four elements which are teachers' understanding, implementation of the activities, teaching material, and teacher's personality. These elements can support fun learning in preschool classroom. Teacher understanding of fun learning can make an impact on student readiness to learn in preschool classes and this is in line with the desired outcome of the National Preschool Curriculum Standards.

KANDUNGAN**Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Soalan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Kerangka Teoritikal Kajian	12
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.9 Batasan Kajian	16
1.10 Definisi Operational	16
1.10.1 Pembelajaran	17
1.10.2 Seronok/Menyeronokkan	18
1.10.3 Kesediaan	18

N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
	1.10.4 Kesediaan Belajar	19	
	1.10.5 Kesediaan Membaca	19	
	1.10.6 Kanak-Kanak	20	
	1.10.7 Pendidikan Prasekolah	21	
	1.11 Penutup	22	
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	23	
	2.1 Pendahuluan	23	
	2.2 Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)	24	
	2.2.1 Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran Prasekolah	27	
	2.3 Teori Behavioris	29	
	2.3.1 Teori Perlaziman Behavioris Thorndike	30	
	2.4 Konsep Kesediaan	36	
	2.4.1 Kesediaan Belajar	36	
	2.5 Ciri-Ciri Pembelajaran Yang Menyeronokkan	38	
	2.6 Perbezaan Individu Dan Latar Belakang Murid Dalam Mempengaruhi Kesediaan Belajar	41	
	2.6.1 Budaya	41	
	2.6.2 Status Sosioekonomi (SES)	42	
	2.6.3 Pengalaman	43	
	2.6.4 Kematangan	45	
	2.7 Proses Pengajaran dan Pembelajaran Yang Menyeronokkan Dan Berkesan	46	
	2.7.1 Sebelum Proses P&P	47	
	2.7.2 Semasa Proses P&P	48	
	2.7.3 Selepas Proses P&P	49	
	2.8 Kajian-Kajian Yang Berkaitan	49	
	2.8.1 Kajian-Kajian Dalam Negara	50	

N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
	2.8.2 Kajian-Kajian Luar Negara	55	
	2.9 Penutup	66	
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	67	
	3.1 Pendahuluan	67	
	3.2 Reka Bentuk Kajian	68	
	3.2.1 Pemboleh Ubah	70	
	3.3 Lokasi Kajian	70	
	3.4 Responden Kajian	72	
	3.5 Prosedur Pengumpulan Data	75	
	3.5.1 Pengumpulan Data Temu bual	78	
	3.5.2 Prosedur Pemerhatian	82	
	3.5.3 Prosedur Analisis Dokumen	84	
	3.6 Instrumen Kajian	88	
	3.7 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	89	
	3.7.1 Kajian Rintis	89	
	3.7.2 Triangulasi Data	90	
	3.7.3 Nota Lapangan Dan Rujukan Diari	92	
	3.7.4 Pengesahan Responden Terhadap Data Temu bual	92	
	3.7.5 Pengesahan Penyelia Dan Pakar	94	
	3.7.6 Penilaian Rakan	96	
	3.8 Penganalisisan Data	97	
	3.9 Penutup	98	
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	99	
	4.1 Pendahuluan	99	
	4.2 Demografi Responden	100	
	4.2.1 Latar Belakang Guru	100	
	4.2.2 Latar Belakang Pembantu Pengurusan Murid (PPM)	102	

4.2.3 Latar Belakang Dan Sosioekonomi Keluarga Murid	103
--	-----

4.2.3.1 Jantina	103
-----------------	-----

4.2.3.2 Bangsa / Kaum	104
-----------------------	-----

4.2.3.3 Pengalaman Ke Sekolah	105
-------------------------------	-----

4.2.3.4 Taraf Sosioekonomi Keluarga Murid	105
---	-----

4.3 Kefahaman Guru Tentang Pembelajaran Yang Menyeronokkan Dalam Konteks Prasekolah.	114
--	-----

4.3.1 Kefahaman Guru Tentang Definisi / Konsep	115
--	-----

4.3.2 Kefahaman Guru Tentang Kesediaan Belajar	117
--	-----

4.3.3 Kefahaman Guru Tentang Pembelajaran Yang Menyeronokkan Melalui Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran	119
---	-----

4.3.3.1 Pendekatan Belajar Melalui Bermain	119
--	-----

4.3.3.2 Pendekatan Bertema	121
----------------------------	-----

4.3.3.3 Pendekatan Bersepadu	123
------------------------------	-----

4.3.3.4 Pendekatan Berpusatkan Guru	125
-------------------------------------	-----

4.3.3.5 Pendekatan Berpusatkan Murid	128
--------------------------------------	-----

4.3.4 Kefahaman Guru Berdasarkan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P)	132
--	-----

4.3.4.1 Persediaan P&P	133
------------------------	-----

4.3.4.2 Amalan Set Induksi Dalam Mewujudkan Pembelajaran Yang Menyeronokkan	135
---	-----

4.3.4.3 Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)	137
--	-----

4.3.4.4 Amalan Pelaksanaan P&P	142
--------------------------------	-----

4.3.4.5 Amalan Penutupan P&P	146
------------------------------	-----

4.4 Aktiviti-Aktiviti Pembelajaran Yang Menyeronokkan Di Kelas Prasekolah.	147
--	-----

N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
	4.4.1 Silap Mata (<i>Magic</i>)	149	
	4.4.2 Kolaj Huruf	151	
	4.4.3 Permainan Bahasa (<i>Simon Said</i>)	153	
	4.4.4 Nyanyian Dan Gerakan (Lagu Vokal)	154	
	4.4.5 Persembahan P&P Melalui ICT	155	
	4.4.6 Memadam Kad Perkataan Dengan Gambar Atau Bahan Maujud	157	
	4.4.7 Memanah Huruf	158	
	4.4.8 Aktiviti Menyambung Titik (dot-dot)	160	
	4.4.9 Menulis Dan Mewarna (Huruf/Gambar)	162	
	4.4.10 Menggunting Huruf	163	
	4.4.11 Puzzle Huruf	165	
	4.4.12 Teka Teki	165	
	4.4.13 Peribahasa	166	
	4.4.14 Origami & Boneka Jari	168	
	4.4.15 Bermain Alat Muzik	169	
4.5	Kesan Pembelajaran Yang Menyeronokkan Dalam Mewujudkan Kesediaan Belajar Kanak-Kanak Prasekolah	171	
	4.5.1 Keseronokan Belajar	172	
	4.5.2 Kesediaan Belajar Meningkat	193	
	4.5.2.1 Murid Cepat Ingat	196	
	4.5.2.2 Berfokus	201	
	4.5.2.3 Penglibatan Aktif	203	
	4.5.2.4 Meningkat Kemahiran Komunikasi	206	
	4.5.2.5 Berkeyakinan	207	
	4.5.2.6 Kehadiran Meningkat	208	
	4.5.3 Perubahan Sikap Kanak-Kanak	209	

N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
	4.6 Penutup		218
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN		219
5.1	Pendahuluan		219
5.2	Rumusan		220
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian		222
5.3.1	Kefahaman Guru Berdasarkan Definisi, Pendekatan dan Perlaksanaan P&P		222
5.3.2	Aktiviti-Aktiviti Pembelajaran Yang Menyeronokkan Di Kelas Prasekolah		228
5.3.3	Kesan Pembelajaran Yang Menyeronokkan Dalam Mewujudkan Kesediaan Belajar Kanak-Kanak Prasekolah		234
5.4	Implikasi dan Cadangan Kajian		239
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan		247
5.6	Kesimpulan		249
RUJUKAN			253
LAMPIRAN			262

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Senarai Pakar Persetujuan Pembinaann Tema	95
4.1 Latar Belakang GP Dari Segi Pendidikan, Pengalaman Serta Pengiktirafan	100
4.2 Latar Belakang PPM Dari Segi Pendidikan, Pengalaman Serta Pengiktirafan	102
4.3 Taburan Responden Mengikut Jantina	103
4.4 Taburan Responden Mengikut kaum	104
4.5 Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Ke Sekolah	105
4.6 Taburan Pendapatan Keluarga	106
4.7 Kefahaman Guru Tentang Pembelajaran Yang Menyeronokkan	115
4.8 Kefahaman Guru Tentang Kesediaan Belajar	117

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teoritikal Kajian	13
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	15
2.1 Amalan Bersesuaian Perkembangan Murid	25
3.1 Proses Persampelan	74
3.2 Struktur Pengumpulan Data Kualitatif	77
3.3 Prosedur Temu Bual Dan Pengumpulan Data	81
3.4 Prosedur Pengumpulan Data Kualitatif	87
5.1 Hubungan Kesediaan Belajar Kanak-Kanak Dengan Pembelajaran Yang Menyeronokkan	221
5.2 Model Pembelajaran Yang Menyeronokkan	240

SENARAI SINGKATAN

4M	- Membaca, Menulis, Mengira, Menaakul
ABI	- Activity Based Intervention
BBM	- Bahan Bantu Mengajar
GP	- Guru Prasekolah
KBSM	- Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KEMAS	- Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPK	- Kurikulum Prasekolah Kebangsaan
KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	- Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
LINUS	- Literasi & Numerasi
MPYM	- Model Pembelajaran Yang Menyeronokkan
NKRA	- Bidang Keberhasilan Negara
P&P	- Pengajaran dan Pembelajaran
PASTI	- Pusat Asuhan Tunas Islam
PMR	- Penilaian Menengah Rendah
PPM	- Pembantu Pengurusan Murid
PYM	- Pembelajaran Yang Menyeronokkan
R-G	- Ransangan Dan Tindak Balas
SBT	- Sekolah Berprestasi Tinggi
SES	- Status Sosioekonomi
SKTM	- Sekolah Kebangsaan Tanjung Malim
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia
AD1. 2013	- Laporan Maklumat Guru

AD2. 2013

- Laporan Maklumat PPM

AD3. 2013

- Laporan Maklumat Murid

AD4. 2013

- Laporan Analisis Dokumen Rancangan Harian
Prasekolah

AD5. 2013

- Laporan Buku Kehadiran Murid

AD6. 2013

- Laporan Hasil Kerja Murid

LP. 2013

- Laporan Nota Lapangan / Diari Penyelidik

P1. 2013 – P13. 2013

- Laporan Pemerhatian 1 Hingga Laporan
Pemerhatian 13

TGP. 2013

- Teks Temu Bual Bersama GP

TPPM. 2013

- Teks Temu Bual Bersama PPM

TGP1. 2013 – TGP13. 2013

- Teks Temu Bual Bersama GP Selepas
Pemerhatian 1 Hingga Pemerhatian 13

T1M1. 2013 – T1M25. 2013

- Teks Temu Bual Pertama Bersama Murid 1
Hingga ke 25 (P10)

T2M1. 2013 – T2M25. 2013

- Teks Temu Bual Ke-2 Bersama Murid 1
Hingga ke 25 Semasa P11

T3M1. 2013 – T3M25. 2013

- Teks Temu bual Ke-3 Bersama Murid 1
hingga ke 25 Semasa P12

T4M1. 2013 – T4M25. 2013

- Teks Temu Bual Ke-4 Bersama Murid 1
Hingga ke 25 Semasa P13

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****Muka Surat**

A	Maklumat Prasekolah Di Negeri Perak	261
B	Senarai Jurulatih Utama (JU) Prasekolah Negeri Perak	262
C	Protokol Temubual	264
D	Maklumat Sekolah Dalam Kajian Rintis Dan Kajian Sebenar	267
E	Contoh Penyusunan Semula Diari Dan Nota Lapangan	268
F	Contoh Surat Kelulusan/Kebenaran Membuat Penyelidikan Daripada KPM, JPN Perak, PPD Batang Padang Dan Sekolah	272
G	Borang Persetujuan Pemerhatian Bersama (Inter Obsever)	276
H	Contoh Persetujuan Guru Dan PPM	277
I	Contoh Surat Kebanaran Ibu Bapa Prasekolah	279
J	Ruangan Pengesahan Dan Persetujuan Responden Terhadap Data Temu Bual	280
K	Contoh Borang pengesahan Pakar Terhadap Borang/Senari Semak Pemerhatian	283
L	Senarai Teks Temu bual Dan Laporan Pemerhatian Serta Analisis Dokumen	284
M	Jadual Matriks Jenis Data Dan Kekerapan Data Pembelajaran Yang Menyeronokkan	286
N	Teks Temu Bual Dengan Guru Prasekolah	295
O	Teks Temu Bual Dengan Pembantu Pengurusan Murid (PPM)	308
P	Contoh Teks Temu Bual Dengan Kanak-Kanak Prasekolah (T1M/P10)	317
Q	Contoh Teks Temu Bual Ringkas Dengan Guru Selepas P&P (TGP12)	340

N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
R	Contoh Borang/Senarai Semak Pemerhatian	343	
S	Contoh Borang/Rekod Pemerhatian Murid	345	



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan sememangnya merupakan elemen utama bagi melahirkan insan yang dinamik dalam semua aspek kehidupan, apatah lagi jika ia dapat dimulakan di peringkat awal usia. Sehubungan itu seiring dengan perkembangan semasa yang semakin mencabar, pendidikan awal kanak-kanak merupakan perkara penting untuk membentuk corak pembelajaran masa hadapan yang lebih baik dan seimbang. Pendidikan awal memainkan peranan penting dalam minda kanak-kanak dan dapat membantu mengurangkan masalah pembelajaran semasa dan pencapaian masa hadapan. Peringkat awal kanak-kanak merupakan tempoh yang kritikal yang menjadi penentu kepada perkembangan minda individu dan bersifat kumulatif. Jelas bahawa

persekolahan merupakan pengalaman awal yang paling penting dalam dunia persekolahan kanak-kanak.

Pendidikan prasekolah ini merupakan asas dalam mempengaruhi perkembangan pembelajaran kanak-kanak pada masa hadapan (Kamaruddin Yaakob, 2006). Kanak-kanak yang mengikuti pendidikan prasekolah menunjukkan tindak balas yang positif terhadap perkembangan kognitif dan efektif pada peringkat pendidikan rendah dan menengah (Tajularipin Sulaiman, 2004). Pengalaman prasekolah dan pembelajaran yang berkesan, bermakna, menggembirakan dapat membekalkan kanak-kanak kemahiran, keyakinan diri, sikap yang positif sebagai persediaan memasuki alam persekolahan formal dan pendidikan sepanjang hayat (Liza Isyqi, 2007).

Kerajaan Malaysia telah memberi perhatian khas kepada pendidikan prasekolah masa kini. Dalam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Pendidikan, kerajaan akan memberi tumpuan utama kepada 4 sub -NKRA untuk meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan iaitu prasekolah, Literasi & Numerasi (LINUS), sekolah berprestasi tinggi (SBT) dan tawaran baru kepada pemimpin sekolah. Bagi prasekolah khususnya, kerajaan ingin mempertingkatkan kadar penyertaan kanak-kanak berumur (4+ dan 5+) kepada 87% menjelang 2012 serta meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah dengan menjadikan prasekolah swasta dan agensi-agensi lain sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan (Unit Pengurusan Prestasi dan Pengurusan KPM, 2009). Antara teras utama untuk meluaskan akses kepada pendidikan prasekolah yang berkualiti dan berkemampuan ialah:

1. Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Prasekolah Kebangsaan dan Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
2. Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).
3. Menyeragamkan bantuan kepada murid prasekolah kerajaan.
4. Meningkatkan kualiti guru dan pembantu murid.
5. Menambah bilangan kelas prasekolah di kawasan miskin bandar, luar bandar dan pendalaman.
6. Meningkatkan perkongsian pintar Kerajaan Swasta dalam pendidikan prasekolah.
7. Mewujudkan Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan.

(Unit Pengurusan Prestasi dan Pengurusan KPM, 2009)

Justeru itu, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010) telah diperkenalkan bertujuan memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepada dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Pendidikan prasekolah ini berfokuskan kepada usaha untuk menyediakan peluang pelajaran yang menyeronokkan dan bermakna kepada kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Oleh itu, fokus utama dalam kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana pembelajaran yang menyeronokkan dapat membantu mewujudkan kesediaan belajar dalam kalangan kanak-kanak prasekolah seperti yang digariskan dalam pendidikan prasekolah masa kini bagi menyediakan

peluang pelajaran yang menyeronokkan kepada kanak-kanak khususnya dalam belajar literasi atau membaca dalam Tunjang Bahasa Malaysia.

Kanak-kanak belajar dan menimba pengalaman yang sesuai dalam budaya persekitarannya. Untuk menghadapi cabaran masa hadapan, kanak-kanak ini perlu diperkayakan dengan pengalaman dan kecerdasan pelbagai yang membezakan mengikut budaya (Kamaruddin Yaakob, 2006) Pengalaman persekolahan dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menggembirakan dapat membekalkan mereka dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan formal dan pendidikan sepanjang hayat (Gardner, 1983 dalam Kamaruddin Yaakub 2006).

1.2 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, kajian tentang kesediaan belajar belum banyak dijalankan seperti di negara-negara lain berdasarkan pembacaan penyelidik. Walau bagaimanapun, masalah kesediaan memang wujud terutamanya pada peringkat sekolah rendah. Banyak penyelidikan berfokuskan kepada faktor-faktor yang menyebabkan masalah membaca dan terlepas pandang tentang kesediaan belajar di peringkat awal persekolahan. Dengan ini, kajian ini adalah penting untuk mewujudkan kesediaan belajar bermula daripada peringkat awal khususnya dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Ramai guru beranggapan bahawa pendidikan di prasekolah khususnya dalam

Tunjang Komunikasi Bahasa Melayu merupakan suatu tugas yang mudah (Seman

Saleh, 2006). Tanggapan ini juga bukan sahaja dalam kalangan guru dan pentadbir sekolah malah juga dalam kalangan ibu bapa itu sendiri. Dengan itu mereka mengambil mudah dan tidak mementingkan keperluan anak-anak dalam pendidikan prasekolah. Hal ini adalah disebabkan oleh anggapan bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa ibunda dan merupakan mata pelajaran yang mudah untuk diajar (Seman Saleh 2006) dan senang dikuasai oleh murid.

Fokus utama Tunjang Bahasa dan Komunikasi Bahasa Melayu dalam KSPK adalah kemahiran Bahasa dan Seni Bahasa yang merangkumi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Bagi mewujudkan kesediaan belajar dalam kalangan kanak-kanak bukanlah satu proses yang mudah. Ia melibatkan pelbagai faktor kanak-kanak seperti latar belakang, minat, dan kebolehan berbahasa yang berbeza dalam kalangan kanak-kanak. Dengan ini, penyediaan bahan yang sesuai dengan peringkat perkembangan kanak-kanak harus digunakan. Penggunaan bahan yang sesuai untuk kanak-kanak adalah penting kerana kesediaan murid bagi menerima pembelajaran dapat ditingkatkan dengan penyediaan bahan yang sesuai dengan perkembangan kognitif, pengalaman dan minat mereka. Begitu juga seni bahasa yang merujuk kepada keupayaan murid mengungkap keindahan bahasa melalui kepelbagaian aktiviti dan permainan bahasa seperti drama dan sajak (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2010). Justeru guru-guru prasekolah telah menggunakan pelbagai pendekatan dan teknik pengajaran yang menarik dengan memberikan kata-kata benda disertai gambar-gambar atau media sewaktu proses pembelajaran.

Pembelajaran yang menyeronokkan merupakan satu teknik pengajaran yang menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang ditekankan di kelas prasekolah. Keberkesanan sesuatu pendekatan ataupun kaedah adalah saling berkait antara kecekapan guru dan keperluan kanak-kanak (Naimah Yusoff et al, 2011). Perkembangan yang optimum dan seimbang bermula daripada kurikulum yang menarik dan dikendalikan dalam suasana yang riang dan gembira. Keseronokan merupakan kunci kepada apa jua proses pembelajaran. Pembelajaran yang paling berkesan adalah sesuatu yang berlaku dalam keadaan yang menggembirakan (Piaget dan Forbel dalam Panduan Kurikulum Prasekolah, 2003). Oleh yang demikian kajian mengenai pembelajaran yang menyeronokkan dalam konteks prasekolah perlu bagi mewujudkan kesediaan belajar dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Pembelajaran yang menyeronokkan harus diteliti bagi mengesan sejauh manakah pembelajaran ini diamalkan di prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Aplikasi pembelajaran yang menyeronokkan dalam pendidikan prasekolah memerlukan orang dewasa sebagai individu yang bertanggungjawab dalam kehidupan belajar kanak-kanak. Salah satu peranan penting ialah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang penuh kasih sayang dan merangsang minda serta fizikal kanak-kanak (Forbel, 1889 dalam Azizah Lebai Nordin, 2002). Oleh itu, adalah penting bagi guru-guru prasekolah menggunakan kemahiran yang boleh membantu kanak-kanak dalam menjayakan suasana persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan di kelas prasekolah. Kajian ini adalah memfokuskan kepada kefahaman dan amalan perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran melalui pelbagai elemen yang boleh mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan oleh guru prasekolah

di Kementerian Pelajaran Malaysia sama ada melalui pendekatan, kaedah atau teknik, jenis aktiviti, bahan mahupun rangsangan lain yang boleh menarik minat kanak untuk bersedia belajar di dalam kelas.

1.3 Pernyataan Masalah

Pembelajaran yang menyeronokkan ditekankan dalam pendidikan prasekolah bagi melihat perkembangan yang optimum dan seimbang bermula dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran yang menarik dalam suasana yang riang dan gembira tanpa memberi tekanan kepada kanak-kanak prasekolah (Joon Sun Lee, 2006). Namun begitu, ada sebahagian guru dan pentadbir tidak menitik beratkan tentang pembelajaran yang menyeronokkan dalam pendidikan awal kanak-kanak dan lebih kepada akademik (Yeo Kee Jiar & Othman MD. Johar, 2008).

Walaupun terdapat pelbagai pendekatan dalam pembelajaran yang menyeronokkan dalam pendidikan prasekolah namun ada sebahagian besar sekolah atau guru tidak menitikberatkan tentang penekanan ini kerana terlalu taksub supaya murid mereka cepat membaca dan melaksanakan pendidikan formal seperti sekolah rendah bagi mencapai objektif Tunjang Bahasa dan Komunikasi Bahasa Malaysia. Tekanan dari pelbagai pihak untuk melihat kanak-kanak cepat pandai membaca mendorong guru untuk tidak mengamalkan pembelajaran yang menyeronokkan dan mengamalkan pengajaran berorientasikan akademik semata-mata bagi memastikan kanak-kanak dapat menguasai 4M dengan cepat. Kesannya, banyak program pendidikan awal kanak-kanak menggunakan kaedah melatih tubi dan mengabaikan